

ROYCE RIFAMPICIN CAPSULE

Rifampicin (150, 300 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Royce Rifampicin Capsule
2. Bagaimana Royce Rifampicin Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Royce Rifampicin Capsule
4. Cara menggunakan Royce Rifampicin Capsule
5. Semasa menggunakan Royce Rifampicin Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Rifampicin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Royce Rifampicin Capsule

Royce Rifampicin Capsule digunakan untuk rawatan tuberculosis dalam kombinasi dengan antibiotic lain yang disebabkan oleh jangkitan bukan tuberculosis dan tuberkulosis.

Bagaimana Royce Rifampicin Capsule berfungsi

Bahan aktif, rifampicin, merupakan antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil rifampicin. Ubat ini berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria dan organisma lain yang menyebabkan jangkitan bukan tuberkulosis dan tuberkulosis.

Sebelum mengambil Royce Rifampicin Capsule

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Royce Rifampicin Capsule jika anda:

- mempunyai jaundis (penyakit hati).
- alergi terhadap rifampicin atau bahan-bahan lain yang digunakan dalam ubat ini.
- sedang di dalam trimester pertama kehamilan, bayi pramatang dan bayi baru lahir.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya:

- anda ada alahan terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.
- anda mengalami kegagalan hati.
- anda mempunyai sebarang tanda jangkitan meningokokus yang terang.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat anda yang lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain. Dalam setengah kes, anda mungkin perlu menghentikan pengambilan salah satu ubat. Ini terutamanya kepada ubat-ubat yang disenaraikan di bawah yang diambil bersama-sama dengan Royce Rifampicin Capsule:

- Antikoagulan (digunakan untuk mencegah pembentukan bekuan darah).
- Kortikosteroid (digunakan sebagai hormone steroid).
- *Cyclosporine* (digunakan untuk mencegah penolakan dan penukaran).
- Penyediaan digitalis (digunakan sebagai perangsang jantung).
- Pil kontraseptif (digunakan sebagai pil kawalan kelahiran).
- *Oral hypoglycaemic agent* (digunakan untuk rawatan diabetes).
- *Dapsone phenytoin* (digunakan untuk merawat kusta dan dermatitis yang kronik).
- Narkotik (digunakan untuk melegakan kesakitan dan mendorong tidur).
- Analgesik (digunakan untuk melegakan kesakitan).

Cara menggunakan Royce Rifampicin Capsule

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Dos akan berbeza antara individu. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai untuk anda.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Royce Rifampicin Capsule mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Royce Rifampicin Capsule selagi disyorkan oleh doktor anda, kecuali jika anda menghadapi masalah. Jika ia berlaku, periksa dengan doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak tablet, hubungi doktor, ahli farmasi, atau jabatan kecemasan hospital terdekat anda serta-merta. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Royce Rifampicin Capsule

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Royce Rifampicin Capsule.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali jika dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan ambil ubat-ubatan baru tanpa berbincang terlebih dahulu dengan doktor atau ahli farmasi anda.

ROYCE RIFAMPICIN CAPSULE

Rifampicin (150, 300 mg)

- Jangan beri Royce Rifampicin Capsule kepada orang lain walaupun mereka mempunyai tanda-tanda atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penjagaan khas disyorkan semasa kehamilan. Hanya ambil ubat ini semasa mengandung jika disyorkan oleh doktor apabila faedah melebihi kemudaratan.
- Boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang. Perlu diberi secara berhati-hati kepada pesakit yang mengalami masalah hati.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Royce Rifampicin Capsule juga mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda dinasihatkan untuk berjumpa doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan tersebut telah dilaporkan:

- Reaksi kulit – gatal dengan atau tanpa ruam.
- Reaksi *gastrointestinal* – gangguan makanan, loya, muntah, ketidakselesaan perut dan cirit-birit.
- *Hepatitis* – boleh disebabkan oleh rifampicin dan ujian fungsi hati perlu dipantau.
- *Thrombocytopenia* – dengan atau tanpa *purpura* (bintik-bintik darah).
- Lain-lain – kolitis *pseudomembranous* (penyakit kolon yang parah), pendarahan serebrum, kematian, eosinophilia (ketidaknormalan peningkatan sel darah putih), leukopenia (pengurangan bilangan sel putih dalam darah), *edema* (bengkak yang disebabkan oleh cecair yang berlebihan dalam tisu badan), kelemahan otot, *myopathy* (penyakit otot), demam, menggigil, sakit kepala, pening, sakit tulang, sesekali gangguan kitaran haid, perubahan warna kemerahan pada air kencing, *sputum* (campuran air liur dan

batukan ledir dari saluran pernafasan) dan air mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov. [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Rifampicin Capsule

-Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Royce Rifampicin Capsule 150mg:

Saiz 2 kapsul dengan cap berwarna biru gelap dan badan berwarna hijau gelap.

Royce Rifampicin Capsule 300mg:

Saiz 0 kapsul dengan cap berwarna coklat gelap dan badan berwarna merah jambu.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Royce Rifampicin Capsule 150mg:

Rifampicin 150mg.

Royce Rifampicin Capsule 300mg:

Rifampicin 300mg.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Corn starch and magnesium stearate.

-Nombor Pendaftaran Produk (MAL)

Royce Rifampicin Capsule 150mg:

MAL19860793AZ

Royce Rifampicin Capsule 300mg:
MAL19860827AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
Royce Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.

PT 1663, Nilai Industrial Estate,
71800 Nilai, Negeri Sembilan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
20/02/2019

Nombor Siri

NPRA(R4/1)190219/00044